



TAWFIQ AL-HAKIM

DRAMATIS PROLIFIK MESIR

OLEH NURSAFIRA LUBIS

Tawfiq al-Hakim atau nama sebenarnya Husayn Tawfiq bin Isma'il bin Ahmad al-Hakim dilahirkan pada 9 Oktober 1898 di Iskandariah. Ada yang menyatakan bahawa beliau dilahirkan pada tahun 1902 atau tahun 1903. Beliau mendapat pendidikan awal di beberapa buah sekolah kerana pekerjaan bapanya yang berpindah-randah. Keadaan ini menyebabkan pembelajarannya sedikit terganggu dan hanya berjaya menamatkan sekolah rendah ketika berusia 16 tahun.

Bapa Tawfiq al-Hakim sangat menitikberatkan pendidikan agama dan beliau dihantar mengikuti kelas bacaan dan hafazan al-Quran sejak kecil sehingga menimbulkan rasa kagum terhadap keindahan dan kesenian yang terkandung dalam al-Quran. Tambahan pula, gurunya memiliki suara yang lunak dan merdu ketika memperdengarkan bacaan al-Quran serta

melaungkan azan. Oleh sebab kagum dengan kemerduan suara gurunya sehingga mendorong beliau meniru gaya bacaan gurunya. Muhammad al-Sayyid Shushah mengatakan bahawa perasaan takjub Tawfiq al-Hakim terhadap keindahan al-Quran menyamai apa-apa yang diibaratkan sebagai kelazatan kesenian (*al-Ladhdhah al-Fanniyyah*).

Sungguhpun demikian, guru pertama yang menyuntik minat Tawfiq al-Hakim dalam dunia seni dan kesusasteraan genre cereka adalah ibunya sendiri. Ibunya sering memperdengarkan kisah *1001 Malam*, *'Antarah*, *Hamzah al-Bahlawan* dan *al-Sayf Bin Dhi Yazn* sehingga Tawfiq al-Hakim dapat menguasai kemahiran berbahasa Arab dengan baik. Tawfiq al-Hakim pernah mengatakan bahawa ibunya yang menjadikan dirinya sebagai seorang yang memiliki jiwa seni, sehingga beliau berjaya menyelami watak dalam cerita yang diperdengarkan.

Ketika di sekolah menengah, Tawfiq al-Hakim nekad mendalami kesusasteraan Arab selepas gurunya

mengajarkan puisi *ghazal* iaitu puisi yang berbaur cinta dan perasaan terhadap perempuan yang berjaya menarik perhatiannya yang sedang meningkat remaja. Selain puisi, beliau juga meminati teater dan mula mendapat inspirasi melalui persembahan Jurj Abyad untuk mengubah skrip lakonan bersama-sama dua orang kawannya. Mereka bertiga berperanan sebagai penggubah skrip, pelakon dan penonton. Namun demikian, ketika ini bacaan Tawfiq al-Hakim lebih serius dan tertumpu kepada ilmu falsafah berbanding dengan cerita pengembaraan semasa beliau mula-mula terlibat dengan bahan bacaan. Setelah tamat sekolah menengah ketika berusia 20 tahun pada tahun 1918, beliau memilih untuk menceburi bidang sastera walaupun mendapat tentangan daripada bapanya.

Tawfiq al-Hakim memasuki Berlitz School di Perancis dan banyak membaca karya sastera yang menggunakan gaya bahasa yang mudah, bukan karya yang mementingkan tatabahasa dan perbendaharaan kata seperti yang diajarkan di sekolah lain. Selain itu, beliau meminati tulisan sasterawan Daudet dan Anatole yang menjadi temannya setiap masa, selain drama yang ditulis oleh Alfred de Musset dan Pierre de Marivaux. Ketika ini, minatnya terhadap drama semakin memuncak lalu mula membuat mengkaji tentang sejarah kemunculan drama. Sungguhpun mencintai sastera, demi menghormati hasrat bapanya, Tawfiq al-Hakim meneruskan pengajian jurusan undang-undang di universiti dan memperoleh segulung ijazah pada tahun 1924. Namun demikian, kecenderungannya terhadap teater masih menebal sehingga beberapa

drama yang dihasilkannya berjaya dipentaskan seperti *al-'Aris*, *Khatam Sulayman*, *al-Mar'ah al-Jadidah* dan *Ali Baba* dan mendapat pujian daripada banyak pihak.

Sewaktu belajar di Perancis, beliau mengambil peluang mengenali kebudayaan dan kesusasteraan Barat moden dan tradisional seperti membaca karya Aristotle, Michelangelo dan sejarah kesusasteraan Inggeris, yang memberikan impak besar terhadap perkembangan kesusasteraannya. Beliau gemar mengikuti teater Bolivar, Montparnasse, Montmartre dan sering mengunjungi kafeteria Dome yang menjadi tempat kunjungan seniman, selain menghabiskan masa sepanjang hari di Louvre, iaitu sebuah muzium untuk berfikir dan mencari idea penghasilan karya baru.

Setelah dua tahun bekerja di mahkamah Iskandariah, Tawfiq al-Hakim dilantik sebagai *Na'ib* (timbangan pendakwa umum) dan berkhidmat di kawasan pedalaman seperti di Tanta, Disuq dan Damanhur sehingga tahun 1934. Walaupun demikian, beliau tetap aktif dalam menghasilkan skrip drama. Kemudian, beliau dilantik sebagai Pengarah Penyelidikan di bawah Kementerian Pendidikan di al-Qahirah dari tahun 1934 hingga tahun 1939. Seterusnya, beliau menjawat jawatan sebagai Pengarah Jabatan Bimbingan Masyarakat di bawah Kementerian Perhubungan Masyarakat sehingga tahun 1943. Kemudiannya, beliau meletakkan jawatan untuk memberikan sepenuh perhatian terhadap sastera yang diminatinya dan menjadi pengarang tetap di *Akhbar al-Yawm*. Pada tahun 1944, beliau mendirikan rumah tangga dan dikurniakan sepasang cahaya mata.


Pada tahun 1951, khidmat Tawfiq al-Hakim masih diperlukan dan dilantik menjadi pengarah di *Dar al-Kutub* (perpustakaan) di Mesir. Pelantikan ini dibuat oleh rakan beliau, Taha Husayn, yang memegang jawatan sebagai Menteri Pendidikan. Beliau menerima jawatan ini kerana membolehkannya bergiat aktif dalam penulisan. Pada tahun 1954, Tawfiq al-Hakim dipilih sebagai anggota Akademi Bahasa Arab di al-Qahirah. Dua tahun kemudian, beliau dilantik sebagai ahli Majlis Tertinggi Kesenian dan Kesusasteraan serta memainkan peranan penting dalam menubuhkan Persatuan Penulis Mesir serta menganjurkan Kongres Dramatis Arab al-Qahirah.

Tawfiq al-Hakim dianugerahkan pingat Order of the Republic pada tahun 1958 sebagai pengiktirafan terhadap sumbangannya dalam bidang kesusasteraan, manakala pada tahun 1959, beliau dilantik sebagai delegasi Mesir ke UNESCO di Paris. Ketokohan dan kewibawaan Tawfiq al-Hakim sebagai seorang dramatis yang prolifik dan ulung diiktiraf secara rasmi apabila beliau dianugerahkan Anugerah Sastera Negara yang pertama pada tahun 1961. Sebagai menghargai ketokohan beliau dalam dunia kesusasteraan, sebuah kumpulan teater ditubuhkan di al-Qahirah bersempena nama beliau, iaitu Teater al-Hakim pada tahun 1963. Pada tahun 1967, Tawfiq al-Hakim dilantik sebagai pegawai di akhbar *al-Ahram* sebelum beliau dilantik sebagai presiden *Nadi al-Qissah* (Persatuan Penulis Mesir) pada tahun 1974. Sumbangan Tawfiq al-Hakim dalam bidang kesusasteraan amat penting sehingga Universiti al-Qahirah mengadakan Kongres Dramatis Arab al-Qahirah sempena pesta yang dinamakan

dengan namanya, "Pesta Tawfiq al-Hakim" pada tahun 1969.

Novel *'Awdat al-Ruh* (Kembalinya Roh) dan *Yawmiyat Na'ib fi al-Aryaf* (Diari Seorang Timbalan Pendakwa Umum di Kawasan Pedalaman) mencatat kejayaan besar dalam kehidupan Tawfiq al-Hakim apabila mendapat pujian daripada, Denys Johnson-Davie, penterjemah sastera Eropah yang mengatakan bahawa kedua-dua karya ini merupakan karya terbaik dalam dunia kesusasteraan Arab dan Tawfiq al-Hakim merupakan pengarang yang prolific dan versatil. Novel *Kembalinya Roh* menggunakan dialog dan teknik penceritaan serta gaya bahasa yang baik dalam menggarap kehidupan sekumpulan watak pemberontak Mesir dalam Revolusi 1919. Wujudnya semangat nasionalisme dalam diri watak remaja yang berjuang menuntut kemerdekaan negaranya berakhir apabila dia ditangkap pihak pemerintah. Kisah yang dipaparkan dalam novel menyamai perasaan yang dialami sendiri oleh Tawfiq al-Hakim.

Walaupun Tawfiq al-Hakim dikenali dalam penulisan novel dan cerpen di Mesir, namun nama beliau lebih tersohor dalam genre drama. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau muncul sebagai pelopor kepada lakon atau drama yang bersifat intelektual. Bahkan, menurut pengkritik sastera, Taha Husayn seperti yang dinukilkan oleh Allen dalam *Ensiklopedia Sastera Dunia*, drama Tawfiq al-Hakim yang berjudul *Ahl al-Kahf* (Ahli Gua) merupakan karya paling bermakna dalam sejarah kesusasteraan Arab. Drama yang mengambil kisah dalam al-Quran sebagai asas ini diterbitkan sebanyak dua kali pada tahun 1933. Suatu yang tidak menghairankan apabila sumbangan beliau dalam kesusasteraan Arab, khususnya



genre drama disebut-sebut oleh para sarjana dari seluruh pelosok dunia.

Johnson-Davies pula menyatakan bahawa karya kreatif yang dihasilkan oleh Tawfiq al-Hakim terutamanya drama, mengandungi tema yang bersifat universal dan sejagat seperti peranan dan tanggungjawab pengarang dalam masyarakat, keperitan hidup yang dihadapi oleh golongan lemah dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pegawai atasan. Oleh sebab itu, karya beliau tidak terhad kepada ruang naratif sahaja sebaliknya memberikan peluang kepada masyarakat dalam dan luar negara menjiwai watak yang dipersembahkan. Selain itu menurut Hutchins, Tawfiq al-Hakim menulis dalam prakata drama berjudul *al-Malik 'Udib* bahawa beliau sentiasa menerapkan unsur Islam dalam karyanya serta menolak kepercayaan tahyul dan karut. Antara karya beliau yang memaparkan konsep Islam termasuklah *Muhammad*, *Ahl al-Kahf*, *Sulaiman al-Hakim* dan *al-Sultan al-Ha'ir*.

Menurut Awd-Fasilifa pula, novel *Zahrat al-'Umr* boleh dianggap memoir Tawfiq al-Hakim kerana memaparkan kenangan dan peristiwa yang berlaku dalam kehidupannya. Novel yang menghimpunkan surat yang dihantar kepada Andre, sahabatnya berbangsa Perancis menceritakan pengalaman Tawfiq al-Hakim berjinak-jinak dengan dunia penulisan.

Walaupun bagaimanapun, Perang Dunia Pertama menjadi pendorong kepada penglibatan Tawfiq al-Hakim dalam dunia kesusasteraan. Beliau menjadi antara pengarang yang meniup api kemarahan dan membakar semangat rakyat Mesir bersikap anti-British. Sewaktu kejadian Revolusi 1919, beliau menerima tempas dan bahangnya apabila lagu patriotik yang dikarangnya mendapat sambutan menggalakkan sehingga menyebabkan beliau ditahan polis dan dipenjarakan beberapa hari. Tawfiq al-Hakim tidak begitu meminati genre puisi, sebaliknya mencetuskan sentimen nasionalisme

dengan luahan perasaan melalui lakon panjang yang pertama berjudul *al-Dayf al-Thaqil* (*Tetamu yang Menyusahkan*) pada tahun 1918.

Walau bagaimanapun, drama ini tidak dicetak dan disahkan hilang sebaik-baik sahaja beliau selesai menulisnya, namun rumusan ringkas mengenainya dicatatkan oleh Tawfiq al-Hakim dalam prakata karyanya yang berjudul *Masrah al-Mujtama'* (*Teater Masyarakat*) yang dihasilkan pada tahun 1950. Drama *al-Dayf al-Thaqil* yang dipenuhi unsur komedi, simbolisme dan politik, mengisahkan tetamu tanpa diundang yang datang ke rumah seorang peguam untuk tempoh yang lama dan dia tidak berhasrat untuk pulang ke tempat asalnya. Sewaktu peguam tiada di rumah, dia mengambil peluang dan bertindak sebagai tuan rumah serta mengutip bayaran daripada pelanggan. Oleh sebab mengkritik penjajahan Inggeris, drama ini tidak dapat dipentaskan atas sebab sekatan. Namun demikian, drama Tawfiq al-Hakim yang lain berjaya dipentaskan, iaitu drama *al-Khatib* (1924), *al-Mar'ah al-Hadithah* (1926) dan *Ali Baba* (1926) yang mendapat pujian dan sambutan ramai.

Sungguhpun isu sosial dan politik menjadi intipati kepada penulisan Tawfiq al-Hakim, beliau tidak gemar melibatkan diri dalam aktiviti politik secara langsung. Beliau tidak memihak kepada mana-mana parti, malah bebas mengkritik fahaman politik yang dirasakan tidak betul melalui penulisan makalahnya yang sarat dengan unsur sarkastik, sinis atau sindiran. Beliau juga berpendapat bahawa seseorang pengarang hendaklah bebas daripada campur tangan politik supaya etika penulisan yang non-partisan dapat dikekalkan. Sebagai

contoh, karya beliau berjudul *Tahta Shams al-Fikr* dan *Shajarah al-Hukm* yang ditulis pada tahun 1945 secara jelas menyentuh isu kepincangan demokrasi yang dijalankan di Mesir ini dan telah membuka mata ahli politik memulihkannya.

Selain itu, Tawfiq al-Hakim juga terkenal dengan gelaran '*Uduw al-Mar'ah*' (*Musuh Wanita*), yang dilihat sering menghentam pergerakan dan kerjaya wanita Mesir melalui penulisan yang berunsur satira, komedi dan melodrama. Misalnya drama *al-Mar'ah al-Jadidah* (*Wanita Moden*) yang dipentaskan tiga tahun selepas ditulis, yang mempropagandakan isu wanita moden yang mementingkan kerjaya.

Kebanyakan karya yang dihasilkan oleh Tawfiq al-Hakim merupakan cerminan kepada kehidupan yang dilaluinya. Selain itu, beliau menulis menggunakan bahasa Arab '*Ammi* Mesir yang mengikut kaedah bahasa Arab *Fusha* yang lebih difahami dan mudah diterima oleh rakyat Mesir. Drama *Amama Shubbak al-Tadhakir* (*Di Hadapan Kaunter Tiket*) dan novel '*Ufsur min al-Sharq*' (*Burung dari Timur*) yang ditulis pada tahun 1926, berlatarbelakangkan kisah percintaannya yang tidak kesampaian dengan Emma Duran, penjual tiket di Odeon. Kisah cinta mereka bertahan tidak sampai dua minggu kerana Emma kembali semula kepada kekasih lamanya menyebabkan Tawfiq al-Hakim ditinggalkan keseorangan. Beliau memiliki jiwa seni dan bakat dalam penulisan menyebabkannya berjaya memindahkan perasaan kecewa dan kesepian yang dialami ke dalam karyanya dengan baik dan gramatis serta diterima baik oleh masyarakatnya.

Sementara itu, novel *Yawmiyat*

Na'ib fi al-Aryaf (*Diari Seorang Timbalan Pendakwa Umum di Kawasan Pedalaman*) yang dihasilkan pada tahun 1937, kompilasi cerpen *Dhikrayat fi al-Fan wa al-Qada'* (*Kenangan dalam Kesenian dan Pemerintahan*) terbit pada tahun 1953 dan drama *al-Safaqah* (*Transaksi*) yang ditulis pada tahun 1957 memperlihatkan kewibawaan Tawfiq al-Hakim dalam mengadaptasi pengalamannya dalam karya yang dihasilkan. Pengalaman menyaksikan sendiri penderitaan dan kesengsaraan golongan petani miskin yang ditindas serta dizalimi oleh pegawai kerajaan dan golongan kaya ketika bertugas sebagai *Na'ib* di kawasan pedalaman membuka minda Tawfiq al-Hakim untuk menghasilkan karya dengan menceritakan kisah sebenar yang terjadi dalam kehidupan sosial dan ekonomi di negaranya. Karya ini mendapat tentangan hebat daripada pihak berkuasa kerana keberanian beliau mengkritik isu kezaliman secara terbuka sehingga beliau dikecam dan dicela.

Sepanjang penglibatan Tawfiq al-Hakim dalam dunia penulisan, beliau menghasilkan 76 drama dengan 35 karya lakon panjang dan 41 lakon pendek. Beliau mempunyai 11 novel, ratusan cerpen dan makalah yang memuatkan pandangan beliau tentang kesenian dan kesusasteraan. Bahkan, tiga novel beliau berjudul '*Awdat al-Ruh*', *Yawmiyat Na'ib fi al-Aryaf* dan '*Ufsur min al-Sharq*' dianggap sebagai karya terpenting Mesir kerana mendapat sambutan yang menggalakkan dan diterbitkan serta diterjemahkan ke pelbagai bahasa asing. Demikian juga dengan drama seperti *Shahrazad*, *Ahl al-Kahf*, *Sulaiman al-Hakim*, *Shams al-Nahar* dan *al-Sultan al-Ha'ir* diterbitkan dan diterjemahkan ke pelbagai bahasa asing. 